

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L  
KARPAL SINGH [ BUKIT GELUGOR ]**

**TARIKH : 04 NOVEMBER 2019**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan peluang pekerjaan dalam kalangan rakyat Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelbagai usaha dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) dalam memperkukuh kompetensi sumber manusia bagi mengenal pasti pekerjaan yang telah di ambil untuk meningkatkan peluang pekerjaan di kalangan warganegara. Langkah-langkah yang diambil oleh KSM adalah seperti berikut:

- (i) menyediakan program *upskilling* dan *reskilling* kepada golongan pekerja bagi mempertingkatkan kemajuan sendiri dalam menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan kerja masa hadapan (*future jobs*) serta persekitaran global yang semakin kompetitif dan dinamik;
- (ii) Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah membangunkan *National Occupational Skills Standard* (NOSS) bagi 21 sektor ekonomi yang mana telah menjadi rujukan dalam pembangunan program latihan di institusi-institusi latihan awam dan swasta mengikut tahap kemahiran yang diperlukan. NOSS yang dibangunkan dan dipantau secara bersama dengan *Industry Lead Body* (ILB) adalah mengikut keperluan industri dan teknologi terkini;
- (iii) merangka satu kajian berkaitan Pelan Induk TVET yang merangkumi keperluan TVET bagi menghadapi Industri 4.0. Dalam usaha untuk memperkasa kualiti dan penyampaian TVET selari dengan Industri 4.0, kajian ini akan menyentuh aspek penstrukturan semula kurikulum, menaik taraf fasiliti dan kemudahan latihan, pembangunan profesional tenaga pengajar serta perkara-perkara lain yang berkaitan;
- (iv) mengadakan sesi libat urus dengan pihak industri bersama jabatan/agensi terlibat bagi memberi gambaran jelas berkaitan Industri 4.0. Maklumat hasil perkongsian daripada sesi ini akan seterusnya digunakan untuk mengkaji dan meneliti keperluan

## SOALAN NO : 31

tenaga kerja bagi menghadapi Industri 4.0 seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan baharu;

- (v) Kerajaan juga melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025), telah menggariskan strategi untuk mentransformasikan sistem pendidikan negara, memperkasa institusi pengajian bertanggungjawab untuk melahirkan siswazah yang cekap teknologi serta menambah baik kualiti pendidikan TVET negara agar kadar penyertaan graduan dan belia ke dalam pasaran perburuhan selaras kehendak industri;
- (vi) KSM dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah diberikan peranan sebagai Pengerusi bersama bagi menerajui Jawatankuasa *Talent and Human Capital Development* bagi Industri 4.0. Jawatankuasa ini berperanan mengenal pasti keperluan pasaran buruh dan kemahiran yang diperlukan serta menyelaras dan melaksanakan usaha-usaha dalam memperkukuhkan kompetensi sumber manusia bagi menghadapi Industri 4.0;
- (vii) Kementerian juga mempromosikan 59 pekerjaan yang iaitu *Critical Occupational list (COL)* yang melibatkan 18 sektor ekonomi oleh *Talent Corporation* Dan Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) yang diperlukan oleh industri semasa sebagai rujukan kepada penyedia-penyedia latihan sebagaimana permintaan di bawah revolusi industri 4.0.

2. Berdasarkan statistik daripada Portal pekerjaan sehingga Ogos 2019, kekosongan pekerjaan yang didaftarkan oleh majikan-majikan bagi kategori siswazah adalah sebanyak 50,326 jawatan manakala sebanyak 642,979 kekosongan jawatan adalah untuk kategori bukan siswazah. Pengiklanan oleh lebih 20,000 majikan aktif yang menawarkan pelbagai jawatan di semua kategori pekerjaan sektor awam dan swasta. Portal *JobsMalaysia* (JMC) di bawah kementerian merupakan portal rasmi pasaran pekerja untuk pencarian dan

## SOALAN NO : 31

penawaran pekerjaan melalui sistem padanan kerja secara *web based*. Setiap pencari kerja berpeluang mendapatkan pekerjaan dan majikan pula berpeluang untuk mendapatkan calon yang sesuai. Pusat *JobsMalaysia* (JMC) di seluruh negara menawarkan pelbagai informasi kekosongan pekerjaan dan perkhidmatan khidmat nasihat pekerjaan kepada pencari kerja. Majikan dan pencari kerja juga berpeluang untuk menyertai karnival pekerjaan di seluruh negara termasuk program-program temuduga terbuka yang diadakan di semua *Urban Transformation Center (UTC)* di seluruh negara sepanjang tahun

3. Kerajaan pada masa ini mempergiatkan usaha-usaha kepada pengukuhan ekonomi domestik seperti meneruskan projek-projek mega seperti *The East Coast Rail Link (ECRL)*, pelaburan domestik serta lebih banyak *Foreign Direct Investment (FDI)* yang menyumbang penghasilan *high value jobs* dan *knowledge worker* berpendapatan tinggi yang berterusan dalam jangka panjang agar merangsang pertumbuhan ekonomi negara seterusnya untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan baru (*new jobs creation*) dalam negara di pelbagai sektor ekonomi berpendapatan tinggi yang perlu dimanfaatkan oleh warganegara.